

Kerajaan pusat tak serius

RANTAU PANJANG - Banjir di Rantau Panjang tidak sepatutnya berlaku lebih awal dari kawasan hulu (Gua Musang), jika kerajaan pusat membina benteng lebih tinggi dari tebatan banjir Thailand.

Ahli Parlimen Rantau Panjang, Siti Zailah Mohd Yusoff berkata, banjir sememangnya fenomena rutin setiap tahun, namun pihaknya kecewa kerana Kerajaan Pusat tidak serius untuk menangani isu terbabit.

Menurutnya, kejadian ini menyebabkan rakyat menjadi mangsa kerana air dari Sungai Golok sering naik ke paras amaran dalam masa kurang sebulan.

"Berpuluh kali perkara ini diaju-

kan di Dewan Rakyat, namun tiada kelulusan daripada Kerajaan Pusat untuk membina tebatan banjir sepanjang Sungai Golok. Namun, kerajaan lebih berminat membina pagar elektronik di sempadan bagi menangani isu jenayah," katanya.

Zailah berkata, jika tebatan banjir dibina, ia berfungsi sebagai pagar keselamatan di sempadan maka kerajaan tidak perlu membazirkan wang rakyat untuk membuat dua projek.

Sikap menanggung ini katanya, menyebabkan penduduk terpaksa menerima akibat kerana air sungai cepat melimpah ke sempadan sedangkan di Thailand pembinaannya hampir siap.



Tebatan banjir di Thailand lebih tinggi mengundang kepada kemasukan air ke kawasan Rantau Panjang.